



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 4 TAHUN 2009**

---

**SYARAT KHAS PADA LESEN PEMBAWA 'A' BAGI LORI KARGO AM**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 24 APRIL 2009**

## **PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL.4 TAHUN 2009**

Semua LPKP Wilayah, Semenanjung Malaysia  
LPKP Sabah  
LPKP Sarawak

### **SYARAT KHAS PADA LESEN PEMBAWA 'A' BAGI LORI KARGO AM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan syarat khas yang perlu dinyatakan pada lesen Pembawa 'A' bagi kenderaan **lori kargo am**.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Jabatan Pengangkutan Jalan memaklumkan akan tindakan yang akan diambil ke atas kesalahan menggunakan kenderaan barangan untuk membawa barang-barang yang tidak sesuai sepertimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 93, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.

3. Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan menyatakan kenderaan jenis kargo am yang dilesenkan di bawah kelas lesen Pembawa 'A' tidak dibenarkan membawa bahan binaan seperti tanah, pasir dan batu kerikil kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 138 (1) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.

5. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 10 Tahun 2009 bertarikh 21 April 2009 telah memutuskan supaya lori kargo am tidak

dibenarkan membawa bahan binaan seperti tanah, pasir dan batu kerikil kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan dan perkara ini hendaklah dinyatakan pada syarat khas di lesen LPKP.

## **PEMAKAIAN**

6. Semua pejabat LPKP Wilayah, Sabah dan Sarawak dikehendaki menyatakan dalam **syarat khas pada lesen** bahawa **kenderaan lori kargo am tidak dibenarkan membawa tanah, pasir dan batu kerikil.**

7. Peraturan ini tidak termasuk kenderaan selain dari lori kargo am bagi kelas lesen Pembawa 'A' dan Pembawa 'C'.

## **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia

**22 APRIL 2009**